

COVAPRIL TABLET®

Perindopril Erbumine 4mg

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan COVAPRIL
2. Bagaimana COVAPRIL berfungsi
3. Sebelum menggunakan COVAPRIL
4. Cara menggunakan COVAPRIL
5. Semasa menggunakan COVAPRIL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan COVAPRIL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan COVAPRIL

Kandungan ubat ini digunakan untuk:

- merawat tekanan darah tinggi (hipertensi)
- merawat kegagalan jantung (keadaan apabila jantung tidak dapat mengepam darah secukupnya untuk memenuhi keperluan badan)

Bagaimana COVAPRIL berfungsi

Tablet COVAPRIL tergolong di dalam kumpulan ubat yang dipanggil Perencat ACE (Enzim Penukar Angiotensin). Ia berfungsi dengan membesarkan saluran darah. Ini membolehkan jantung anda mengepam darah ke seluruh badan dengan lebih mudah.

Sebelum menggunakan COVAPRIL

- Bila tidak boleh menggunakan

- jika anda alah (hipersensitif) kepada perindopril atau sebarang kandungan di dalam tablet COVAPRIL atau mana-mana ubat dalam kumpulan Perencat ACE.
- jika anda pernah mengalami pembengkakan akut pada

muka, lidah atau (sindrom angioneurotik), tanpa mengira sama ada ia telah disebabkan oleh rawatan dengan ubat yang sama (Perencat ACE) atau tidak.

- jika anda hamil lebih daripada 3 bulan. Sebaik-baiknya elakkan pengambilan tablet COVAPRIL di peringkat awal kehamilan.

Kanak-kanak: Tablet COVAPRIL tidak boleh digunakan pada kanak-kanak.

- Sebelum mula menggunakan COVAPRIL

Sekiranya anda mengalami sebarang keadaan berikut, maklumkan kepada doktor anda sebelum mula mengambil tablet COVAPRIL:

- jika anda mengalami stenosis aortik (penyempitan pembuluh darah utama dari jantung) atau kardiomiopati hipertrofi (penyakit otot jantung) atau stenosis arteri renal (penyempitan arteri yang membekalkan darah ke buah pinggang),
- jika baru-baru ini anda ada menjalani pemindahan dan buah pinggang.
- jika anda mengalami sebarang masalah lain jantung atau hati atau buah pinggang, atau anda menjalani rawatan dialysis
- jika anda menghidap penyakit kencing manis yang tidak dikawal dengan baik
- jika anda telah diarahkan untuk menghadkan pengambilan garam dalam diet anda atau menggunakan garam-pengganti yang mengandungi kalium
- jika anda menghidap penyakit vascular kolagen (penyakit tisu perantara) seperti *systematic lupus erythematosus* atau *scleroderma*
- jika anda akan atau sedang menjalani rawatan untuk

mengurangkan kesan alahan terhadap sengatan lebah

- jika anda akan menjalani rawatan membuang kolesterol dari dalam darah dengan menggunakan peralatan mesin (LDL aferesis)
- anda harus memberitahu doktor anda jika anda fikir anda telah hamil (atau mungkin akan hamil). Tablet COVAPRIL tidak disyorkan penggunaannya pada peringkat awal kehamilan, dan tidak boleh diambil apabila hamil lebih dari 3 bulan, kerana ia boleh memudaratkan bayi anda.

Sekiranya anda berasa sesak di dada dan bengkak pada muka dan lidah (angioneurotik edema), anda hendaklah segera memberitahu doktor dan hentikan pengambilan tablet COVAPRIL serta merta. Ini berkaitan dengan semua ubat dalam kumpulan Perencat ACE.

Beritahu doktor atau ahli farmasi bahawa anda mengambil COVAPRIL jika:

- anda akan menjalani pembedahan atau menggunakan ubat bius
- baru-baru ini anda mengalami cirit birit atau muntah
- tekanan darah anda tidak turun secukupnya disebabkan oleh factor etnik

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang boleh diperolehi tanpa preskripsi.

Khususnya, berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil COVAPRIL jika anda mengambil:

- ubat untuk tekanan darah tinggi termasuk ubat diuretik (bertindak membuang air yang berlebihan dalam tubuh)

- ubat diuretik yang memberi kesan terhadap garam kalium, contohnya ubat spironolactone, triameterene atau amiloride
- ubat-ubatan untuk meningkatkan tahap kalium anda
- ubat-ubatan untuk kencing manis (insulin atau tablet)
- lithium (untuk merawat penyakit kemurungan atau mania)
- ubat-ubatan untuk merawat penyakit mental seperti kemurungan, keresahan, skizofrenia atau psikosis lain
- ubat-ubatan untuk merawat penyakit gangguan auto-imun (seperti reumatid artritis) atau diberi selepas menjalani rawatan pemindahan organ. Ubat-ubat ini dipanggil *immunosuppressant*
- ubat anti-radang bukan steroid (NSAIDs contohnya ibuprofen, diclofenac), termasuklah ubat aspirin untuk tahan sakit
- ubat untuk tekanan darah rendah, kejutan atau asma (termasuklah ubat ephedrine, noradrenaline atau adrenaline)
- ubat-ubatan yang membuatkan saluran darah membesar (*vasodilator*, contohnya nitrat)

Tanya doktor anda jika anda tidak pasti apakah ubat-ubatan ini. Beritahu doktor jika anda pernah mengambil mana-mana ubat yang disenaraikan di atas, tetapi kini telah berhenti mengambilnya.

Cara menggunakan COVAPRIL

- Berapa banyak perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan dos COVAPRIL yang sesuai untuk anda. Dos ini mungkin ditambah bergantung kepada keadaan anda dan ubat-ubatan lain yang anda ambil.

Sentiasa ambil COVAPRIL mengikut arahan doktor anda.

Hubungi doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

Jangan ubah sukatan dos yang diberikan kecuali atas arahan doktor.

- Bila perlu digunakan

Tablet COVAPRIL boleh digunakan secara bersendirian atau bersama-sama dengan ubat-ubatan lain yang merawat tekanan darah tinggi.

- ambil tablet COVAPRIL secara oral sahaja.
- ambil ubat ini pada waktu pagi, sebelum makan.
- paling baik ambil tablet anda dengan meminum segelas air pada waktu yang sama setiap hari.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil COVAPRIL selagi diarahkan oleh doktor anda.

Ubat untuk tekanan darah tinggi atau kegagalan jantung biasanya perlu diambil untuk sepanjang hayat. Jika anda berhenti mengambil tablet COVAPRIL keadaan anda boleh menjadi teruk.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda sekiranya anda terlupa mengambil dos yang sebelumnya.

Jika anda terlupa untuk mengambil satu atau lebih tablet, langkau dos yang tertinggal tersebut. Jika anda tidak pasti mengenainya, hubungi doktor anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera jika anda telah mengambil dos yang berlebihan.

Kesan-kesan berikut boleh berlaku: tekanan darah rendah, kejutan, masalah buah pinggang, tercungap-cungap, jantung berdegup kencang, denyutan

jantung tidak tetap (*palpitation*), denyutan jantung perlahan, rasa pening atau bimbang dan batuk.

Semasa menggunakan COVAPRIL

- Perkara yang perlu dilakukan

Kehamilan:

Maklumkan kepada doktor anda jika anda fikir anda hamil atau akan hamil. Doktor anda akan menasihatkan anda untuk berhenti mengambil tablet COVAPRIL sebelum anda hamil atau sebaik sahaja anda tahu anda hamil dan akan menasihatkan anda untuk mengambil ubat lain selain tablet COVAPRIL.

Tablet COVAPRIL tidak disyorkan penggunaannya pada peringkat awal kehamilan, dan tidak boleh diambil apabila hamil lebih daripada 3 bulan, kerana ia boleh memudaratkan bayi anda.

Menyusukan bayi:

Maklumkan kepada doktor anda jika anda sedang atau merancang untuk menyusukan bayi. Pengambilan tablet COVAPRIL tidak disyorkan kepada ibu yang menyusukan bayi, dan doktor akan mengesyorkan rawatan lain jika bayi anda baru dilahirkan atau dilahirkan tidak cukup bulan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil COVAPRIL untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan mesin

Anda boleh berasa pening atau keletihan semasa menggunakan COVAPRIL, sama seperti ubat Perencat ACE yang lain. Jika ini terjadi, jangan memandu kenderaan atau mengendalikan mesin. Laporkan perkara ini kepada doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan yang lain, COVAPRIL boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun tidak pada semua orang.

Biasa (berlaku pada kurang daripada 1 dalam setiap 10 pengguna tetapi pada lebih daripada 1 dalam setiap 100 pengguna):

- batuk, sesak nafas
- rasa hendak pitam kerana tekanan darah rendah (terutamanya ketika anda mula mengambil COVAPRIL, atau apabila sukatan dos dinaikkan, atau apabila anda mengambil bersama ubat diuretik)
- sakit kepala, pening atau keletihan, rasa pitam dan berpinar-pinar (vertigo, rasa kebas, kejang otot, penglihatan kabur, mata rasa sakit, bunyi berdesing dalam telinga (tinnitus))
- rasa loya, sakit perut atau senak perut,
- perubahan deria rasa, cirit-birit, sembelit, ruam kulit, gatal-gatal

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my (Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan COVAPRIL

- Penyimpanan

Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C

Jauhkan daripada capaian dan pandangan kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan buang ubat bersama-sama dengan air kumbahan atau sisa sampah dari rumah.

Tanyalah ahlifarmasi tentang cara membuang ubat yang tidak diperlukan lagi

Langkah-langkah ini akan membantu memelihara alam sekitar.

- Jangka hayat

Jangka hayat: Sila rujuk kotak luar

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Berbentuk bujur, bertanda, dan berwarna putih

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Perindopril Erbumine

Bahan tidak aktif:

- Aerosil 200
- Croscamellose
- Microcrystalline cellulose
- Magnesium stearate
- Lactose monohydrate

- Nombor MAL

MAL10080061ACZ

Pengilang

DUOPHARMA
MANUFACTURING (BANGI)
SDN BHD
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13.
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN. BHD.
Lot. 2599, Jalan Seruling
59, Kawasan 3, Taman Klang
Jaya, 41200 Klang, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

26/01/2026

Nombor Siri

NPRA(R2/1)200319/394